BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No. Ruj.: 09/09/08

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1730 pada hari Rabu, 30 September 2009

Perkembangan Monetari dan Kewangan Ogos 2009
Kenyataan Utama Siaran Akhbar

- Inflasi tidak berubah pada -2.4% pada bulan Ogos 2009. Penurunan harga yang lebih perlahan dalam kategori *pengangkutan* dan peningkatan inflasi dalam kategori *perkhidmatan rekreasi dan hiburan* telah diimbangi oleh inflasi yang lebih sederhana dalam beberapa kategori Indeks Harga Pengguna yang lain.

- Pembiayaan kasar oleh sistem perbankan dan pasaran modal adalah lebih sederhana. Namun, permintaan terhadap pembiayaan oleh sektor isi rumah berterusan.

- Nisbah modal wajaran risiko (risk weighted capital ratio, RWCR) dan nisbah modal teras (core capital ratio, CCR) masing-masing meningkat kepada 14.6% dan 13.0%. Sementara itu, nisbah pinjaman tak berbayar bersih tidak berubah pada 2.1%.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No. Ruj.: 09/09/08

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1730 pada hari Rabu, 30 September 2009

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

Ogos 2009

Pembiayaan kasar oleh sistem perbankan dan pasaran modal adalah lebih sederhana pada bulan Ogos kepada RM54.5 bilion (Julai: RM64.2 bilion) disebabkan oleh pengeluaran pinjaman dan terbitan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) yang lebih rendah pada bulan tersebut. Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul berkembang pada kadar tahunan 7.1% pada akhir bulan Ogos (Julai: 8.3%). Permintaan terhadap pembiayaan oleh sektor isi rumah berterusan dengan permohonan pinjaman berjumlah RM25 bilion pada bulan Ogos (purata bulanan dari Januari hingga Julai 2009: RM22.5 bilion). Berikutan pengeluaran pinjaman yang secara relatif tinggi, pinjaman terkumpul sektor isi rumah meningkat pada kadar tahunan 9.1% pada akhir bulan Ogos (akhir bulan Julai: 9.0%). Sebaliknya, permohonan pinjaman oleh sektor perniagaan serta kelulusan dan pengeluaran pinjaman kepada sektor tersebut menjadi sederhana.

Kadar antara bank bagi semua tempoh matang secara relatif stabil, sementara kadar deposit tetap purata menurun sedikit pada bulan Ogos. Kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata menurun kepada 5.51% pada akhir bulan Ogos (Julai: 5.53%), mencerminkan BLR yang lebih rendah oleh sebuah bank

asing. Sementara itu, kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) terus menurun kepada 4.84% pada akhir bulan Ogos (Jun: 5.04% dan Julai: 4.96%).

Ringgit menambah nilai sebanyak 0.9% berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) pada tempoh 1 Ogos hingga 29 September 2009. Ringgit juga menambah nilai berbanding dengan paun sterling (4.7%) tetapi menyusut nilai berbanding dengan yen Jepun (-4.7%) dan euro (-2.5%). Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menambah nilai berbanding dengan renminbi China (0.9%), namun menyusut nilai berbanding dengan mata wang serantau lain antara 0.6% hingga 2.6%.

Inflasi, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP), tidak berubah pada -2.4% pada bulan Ogos 2009 (Julai: -2.4%). Harga dalam kategori *pengangkutan* menurun dengan lebih perlahan pada bulan itu berikutan kenaikan tambang bas dan teksi (Ogos: -19.3%; Julai: -19.9%). Inflasi yang lebih tinggi pula dicatat dalam kategori *perkhidmatan rekreasi dan hiburan* (Ogos: 2.6%; Julai: 0.7%). Walau bagaimanapun, kenaikan harga ini telah diimbangi oleh inflasi yang lebih sederhana dalam beberapa kategori IHP lain, terutamanya kategori *makanan dan minuman tanpa alkohol* (Ogos: 1.4%; Julai: 2.0%).

Wang secara luas atau M3 berkembang dengan lebih cepat pada kadar tahunan 7.6% disebabkan terutamanya oleh peningkatan aset asing bersih sistem perbankan.

Nisbah modal wajaran risiko (risk weighted capital ratio, RWCR) dan nisbah modal teras (core capital ratio, CCR) masing-masing meningkat kepada 14.6% dan 13.0%. Sementara itu, nisbah pinjaman tak berbayar (non-performing loans, NPL) bersih pula tidak berubah pada 2.1%.

Kadar faedah stabil pada bulan Ogos

Pada tempoh 1 Ogos hingga 29 September, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat kecil 1.99% - 2.00%. Kadar antara bank bagi tempoh matang lain juga secara relatif stabil.

Kadar deposit tetap (fixed deposit, FD) purata bank perdagangan menurun sedikit pada bulan Ogos, mencerminkan penurunan kadar FD oleh sebuah bank asing. Pada 15 September, kadar FD disebut purata bagi tempoh pemegangan 1 hingga 12 bulan adalah dalam julat 2.00% hingga 2.50%.

Dari segi kadar pinjaman bank perdagangan, kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata menurun kepada 5.51% pada akhir bulan Ogos (5.53% pada bulan Julai), mencerminkan BLR yang lebih rendah oleh sebuah bank asing. Sementara itu, kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) terus menurun kepada 4.84% pada akhir bulan Ogos (Jun: 5.04% dan Julai: 4.96%).

Kadar antara bank semalaman purata bergerak dalam julat kecil



Kadar antara bank lain juga secara relatif stabil



Mudah Tunai Terkumpul di Bank Negara Malaysia
(Akhir tempoh, RM juta)



BNM terus menyerap mudah tunai lebihan

Kadar Pinjaman:
Bank Perdagangan
(pada akhir tempoh)



BLR dan ALR bank perdagangan lebih rendah pada bulan Ogos

Keadaan Mudah Tunai



Nisbah pinjaman-deposit dan pembiayaan-deposit secara relatif tidak berubah

Struktur Terma Kadar Deposit Tetap Bank Perdagangan



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Jul 09	2.02	2.05	2.06	2.07	2.52
Ogos 09	2.00	2.03	2.04	2.05	2.50
15 Sept 09	2.00	2.03	2.04	2.05	2.50

Kadar FD purata mencatat penurunan yang kecil pada bulan Ogos

Kadar Deposit Tetap Benar 3 Bulan Bank Perdagangan



Kadar FD benar secara relatif tidak berubah

Ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS

Ringgit menambah nilai sebanyak 0.9% berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) pada tempoh 1 Ogos hingga 29 September 2009. Ringgit disokong oleh sentimen pelabur yang menggalakkan dan kesanggupan mengambil risiko yang bertambah baik oleh para pelabur terhadap rantau ini berikutan tanda-tanda awal pemulihan ekonomi global dan serantau. Sentimen positif ini juga disokong oleh pengumuman para menteri kewangan negara-negara Kumpulan 20 (G20) untuk mengekalkan langkah-langkah rangsangan bagi menyokong pertumbuhan global. Ringgit juga menambah nilai berbanding dengan paun sterling (4.7%) tetapi menyusut nilai berbanding dengan yen Jepun (-4.7%) dan euro (-2.5%). Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menambah nilai berbanding dengan renminbi China (0.9%), namun menyusut nilai berbanding dengan mata wang serantau lain antara 0.6% hingga 2.6%.



Ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS dan paun sterling tetapi menyusut nilai berbanding dengan yen dan euro



Ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding dengan mata wang serantau

Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada mata wang asing	Akhir tempoh				Perubahan %	
	Dis 08	Jul 09	Ogos 09	29 Sept 09	Akhir Dis 08 - 29 Sept 09	Akhir Jul 09 - 29 Sept 09
Dolar AS	3.4640	3.5200	3.5260	3.4875	-0.7	0.9
Euro	4.8759	4.9729	5.0621	5.1010	-4.4	-2.5
Paun sterling	4.9989	5.8150	5.7356	5.5545	-10.0	4.7
100 yen Jepun	3.8327	3.6919	3.7631	3.8741	-1.1	-4.7
Dolar Singapura	2.4070	2.4432	2.4441	2.4590	-2.1	-0.6
100 baht Thailand	9.9398	10.342	10.364	10.378	-4.2	-0.3
100 peso Filipina	7.2774	7.3249	7.2221	7.3313	-0.7	-0.1
100 rupiah Indonesia	0.0316	0.0355	0.0349	0.0358	-11.7	-1.1
100 won Korea	0.2750	0.2859	0.2833	0.2936	-6.3	-2.6
Renminbi China	0.5076	0.5152	0.5162	0.5108	-0.6	0.9

Inflasi bulan Ogos tidak berubah

Inflasi, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP), tidak berubah pada -2.4% pada bulan Ogos 2009 (Julai: -2.4%). Harga dalam kategori *pengangkutan* menurun pada kadar lebih perlahan pada bulan itu berikutan kenaikan tambang bas dan teksi (Ogos: -19.3%; Julai: -19.9%). Inflasi yang lebih tinggi juga dicatat dalam kategori *perkhidmatan rekreasi dan hiburan* (Ogos: 2.6%; Julai: 0.7%). Ini sebahagiannya disebabkan oleh kenaikan yuran langganan televisyen satelit. Walau bagaimanapun, kenaikan harga ini telah diimbangi oleh inflasi yang lebih sederhana dalam beberapa kategori IHP lain, terutamanya kategori *makanan dan minuman tanpa alkohol* (Ogos: 1.4%; Julai: 2.0%).



Inflasi bulan Ogos tidak berubah pada -2.4%



Harga pengeluar bulan Julai terus merosot

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) bulan Julai merosot sebanyak 12.8% pada asas tahunan (Jun: -12.2%). Harga dalam komponen IHPR berkaitan komoditi merosot sebanyak 30.8% (Jun: -29.9%) sementara komponen IHPR bukan berasaskan komoditi lebih rendah sebanyak 3.3% (Jun: -2.7%). Pada asas bulanan, harga pengeluar merosot sebanyak 0.6% pada bulan Julai (Jun: 1.2%). Kemerosotan ini disebabkan terutamanya oleh penurunan harga dalam komponen berasaskan komoditi sebanyak 1.8% pada asas bulanan berikutan harga minyak mentah dunia yang lebih sederhana (Jun: 4.1%).

Mengikut komposisi, harga komponen IHPR tempatan dan diimport merosot dengan lebih cepat. Berbanding dengan paras harga tahun lepas, harga komponen IHPR tempatan merosot sebanyak 16.8% (Jun:-16.1%), manakala harga komponen diimport pula jatuh sebanyak 3.9% (Jun: -3.4%).



Harga pengeluar menurun pada asas tahunan pada bulan Julai

M3 berkembang pada kadar tahunan lebih cepat pada bulan Ogos

Pada bulan Ogos, wang secara luas atau M3 berkembang dengan lebih cepat pada kadar tahunan 7.6%. Pada asas bulanan, M3 meningkat sebanyak RM12.1 bilion. Pertumbuhan M3 disokong oleh peningkatan aset asing bersih sistem perbankan. Peningkatan ini mencerminkan terutamanya aliran masuk pelaburan portfolio berikutan aktiviti pemerolehan dana luar negeri oleh sebuah Perusahaan Awam Bukan Kewangan yang besar. Peningkatan M3 juga disokong oleh pengeluaran kredit yang lebih tinggi oleh bank.

Penentu-Penentu M3
(RM bilion)

	Perubahan pada tempoh			
	Mei 09	**Jun 09**	**Jul 09**	**Ogos 09**
M3	-5.0	7.3	10.5	12.1
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	-6.5	8.4	-0.1	-0.2
Tuntutan ke atas sektor swasta	-2.9	5.6	11.5	4.2
Pinjaman	*-2.9*	*7.6*	*8.1*	*5.6*
Sekuriti	*0.0*	*-2.1*	*3.4*	*-1.3*
Aset luar bersih *	0.6	-10.5	-0.4	11.2
Pengaruh lain	3.8	3.9	-0.5	-3.1

* Sebelum penilaian semula

M3 telah disemak semula untuk mengambil kira "lain-lain deposit" bermula Disember 1999. Sebelum itu ianya tidak termasuk dalam pengiraan M3.



Deposit sistem perbankan meningkat pada bulan Ogos

Jumlah deposit dalam sistem perbankan meningkat sebanyak RM10.1 bilion pada bulan Ogos berbanding dengan bulan sebelumnya (Julai: +RM0.9 bilion) untuk mencatat pertumbuhan tahunan 8.1% (Julai: 6.2%). Peningkatan ini sebahagiannya disebabkan oleh aliran masuk modal bersih pemastautin dan bukan pemastautin. Mengikut pelanggan, deposit yang lebih tinggi adalah hasil daripada penempatan deposit institusi kewangan bukan bank dan perusahaan perniagaan. Mengikut jenis, peningkatan adalah terutamanya dalam bentuk deposit mata wang asing dan deposit pasaran wang jangka pendek.

Deposit mengikut Penyimpan
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Mei 09	**Jun 09**	**Jul 09**	**Ogos 09**
Kerajaan Persekutuan	1,505	1,739	81	599
Kerajaan Negeri	-1,083	561	-567	1,194
Badan Berkanun [1]	-2,388	1,729	28	981
Institusi Kewangan	-3,186	13,575	-6,557	3,454
Di Antaranya:				
Institusi Perbankan	*618*	*8,173*	*-8,862*	*-894*
Institusi Kewangan Bukan Bank	*-3,905*	*5,694*	*2,152*	*4,239*
Perusahaan Perniagaan	1,682	-2,323	4,437	4,179
Individu	-1,674	2,012	2,246	-1,434
Lain-lain [2]	-103	856	1,191	1,079
Jumlah	-5,247	18,151	859	10,052

1/ Termasuk Kerajaan tempatan

2/ Termasuk lain-lain entiti tempatan dan entiti bukan bank asing

Deposit mengikut Jenis
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Mei 09	**Jun 09**	**Jul 09**	**Ogos 09**
Deposit tetap	2,259	-3	-3,124	-162
NID	-1,694	7,849	-10,188	-935
Deposit permintaan	-819	4,795	-988	1,350
Deposit tabungan	-1,390	1,222	752	-578
Perjanjian beli balik (Repo)	-44	-26	17	-136
Deposit mata wang asing	716	-4,236	455	7,117
Deposit SPI [1]	3,704	5,907	2,095	-785
Lain-lain [2]	-7,978	2,642	11,840	4,183
Jumlah	-5,247	18,151	859	10,052

1/ Deposit SPI merujuk kepada deposit sistem perbankan Islam

2/ Lain-lain deposit merangkumi terutamanya deposit jangka pendek

Pembiayaan kasar kepada sektor swasta lebih sederhana pada bulan Ogos

Pembiayaan kasar oleh sistem perbankan dan pasaran modal adalah lebih sederhana pada bulan Ogos kepada RM54.5 bilion (Julai: RM64.2 bilion). Ini disebabkan oleh pengeluaran pinjaman dan terbitan PDS yang lebih rendah pada bulan tersebut. Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul berkembang 7.1% pada kadar tahunan pada akhir bulan Ogos (Julai: 8.3%).



[1] Tidak termasuk terbitan pelabur asing

Pengeluaran pinjaman dan terbitan PDS lebih rendah pada bulan Ogos



Penunjuk pinjaman utama lebih rendah...

Penunjuk Pinjaman Bank

	RM bilion			Pertumbuhan Tahunan (%)		
	Jul-09	Aug-09	J-A 09	Jul-09	Aug-09	J-A 09
Jumlah						
Permohonan pinjaman	51.2	43.3	341.0	18.7	-16.8	2.2
Kelulusan pinjaman	27.2	23.0	186.1	4.3	-21.1	-10.2
Pengeluaran pinjaman	60.9	51.6	414.5	5.6	-7.0	-3.0
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	9.8	6.2	32.2	8.4	7.3	7.3
Perusahaan perniagaan						
Permohonan pinjaman	23.8	18.2	158.3	14.6	-44.3	-8.6
Kelulusan pinjaman	11.8	8.1	80.8	2.0	-52.0	-24.9
Pengeluaran pinjaman	41.3	32.8	277.6	-1.2	-18.2	-8.6
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	3.3	1.3	2.4	3.2	0.6	0.6
PKS[2/]						
Permohonan pinjaman	10.2	9.4	65.9	6.2	-1.8	-7.2
Kelulusan pinjaman	4.2	3.8	28.1	-28.1	-10.9	-27.5
Pengeluaran pinjaman	12.8	11.2	93.3	-12.7	-21.5	-14.7
Perubahan pinjaman terkumpul[1/3/]	1.0	-0.3	-5.6	-3.1	-5.2	-5.2
Isi rumah						
Permohonan pinjaman	27.4	25.0	182.7	22.4	30.2	13.9
Kelulusan pinjaman	15.4	14.8	105.4	6.1	21.6	5.6
Pengeluaran pinjaman	19.6	18.9	136.9	23.3	21.9	11.0
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	3.2	4.1	22.4	9.0	9.1	9.1

[1/] Pertumbuhan tahunan adalah jumlah terkumpul pada akhir tempoh.

[2/] Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu

[3/] Penurunan dalam pinjaman terkumpul PKS menunjukkan pengasingan beberapa syarikat PKS yang telah menjadi syarikat besar, memandangkan mereka telah menjangkaui definisi PKS. Tanpa pengasingan tersebut, pinjaman terkumpul PKS akan merosot sedikit sebanyak 2% pada asas tahunan pada akhir Ogos 2009.

…terutamanya dalam sektor perniagaan



Pengeluaran pinjaman masih lagi menyeluruh

Permintaan sektor isi rumah terhadap pembiayaan berterusan dengan permohonan pinjaman berjumlah RM25 bilion pada bulan Ogos (purata bulanan dari Januari hingga Julai 2009: RM22.5 bilion). Pinjaman yang dipohon adalah terutamanya untuk membiayai pembelian harta kediaman dan kereta penumpang. Berikutan pengeluaran pinjaman yang secara relatif tinggi, pinjaman terkumpul sektor isi rumah meningkat pada kadar tahunan 9.1% pada akhir bulan Ogos (akhir bulan Julai: 9.0%).

Sebaliknya, permohonan pinjaman oleh sektor perniagaan serta kelulusan dan pengeluaran pinjaman kepada sektor tersebut menjadi sederhana. Oleh itu, pinjaman terkumpul sektor perniagaan berkembang pada kadar tahunan yang lebih perlahan sebanyak 0.6% (akhir bulan Julai: 3.2%).

Aktiviti pemerolehan dana berterusan dalam pasaran modal

Pemerolehan dana bersih melalui pasaran modal berjumlah RM9.3 bilion pada bulan Ogos. Sebahagian besar dana tersebut diperoleh sektor awam melalui terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia 2.5 tahun dan 5.5 tahun. Sementara itu, dana yang diperoleh sektor swasta melalui terbitan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) lebih rendah pada RM2.6 bilion. Terbitan adalah terutamanya oleh sebuah entiti berkaitan Kerajaan untuk tujuan pelaburan am. Dana yang diperoleh melalui pasaran PDS mencatat penebusan bersih sebanyak RM389 juta, mencerminkan jumlah penebusan yang besar dalam tempoh tersebut. Dalam pasaran ekuiti, sebanyak RM234 juta diperoleh melalui dua tawaran awam awal oleh syarikat-syarikat dalam sektor produk pengguna dan produk industri.



KLCI secara relatif tidak berubah pada bulan Ogos

FBM KLCI bermula dengan positif tetapi mengalami pembetulan pada pertengahan bulan Ogos berikutan kebimbangan terhadap kemampanan pertumbuhan ekonomi Asia. Namun, pasaran pulih kembali untuk ditutup pada 1,174.27 mata pada akhir bulan Ogos (akhir bulan Julai: 1,174.9 mata) disebabkan sentimen positif berikutan prospek pemulihan ekonomi global yang lebih baik. Permodalan pasaran meningkat kepada RM893.9 bilion (sejak akhir Julai: +0.9%) manakala urus niaga purata harian merosot kepada 936 juta unit (Julai: 1,005 juta unit).



KLCI tidak berubah pada bulan Ogos

Pada 29 September, FBM KLCI lebih tinggi pada 1,208.21 mata (sejak akhir Ogos: +2.9%). Permodalan pasaran secara keseluruhan meningkat kepada RM915 bilion (sejak akhir Ogos: +2.4%). Aktiviti dagangan rendah sedikit lantas menyebabkan urus niaga purata harian hanya sebanyak 717 juta unit.

Rizab antarabangsa

Rizab antarabangsa bersih Bank Negara Malaysia berjumlah RM329.1 bilion (bersamaan dengan USD93.3 bilion) pada 28 Ogos 2009. Pada 15 September 2009, rizab antarabangsa berjumlah RM329.9 bilion (bersamaan dengan USD93.5 bilion). Kedudukan rizab ini memadai untuk membiayai 9.4 bulan import tertangguh dan ialah 3.8 kali hutang luar negeri jangka pendek.



Nota: Mulai akhir bulan Mac 2008, hutang luar negeri jangka pendek merujuk kepada takrifan baharu hutang luar negeri, dengan mengambil kira entiti luar pesisir di Labuan IBFC sebagai pemastautin

Tahap permodalan kukuh dan pinjaman tak berbayar stabil dalam sistem perbankan

Tahap permodalan sistem perbankan terus kukuh, dengan nisbah modal wajaran risiko (risk weighted capital ratio, RWCR) dan nisbah modal teras masing-masing meningkat kepada 14.6% and 13.0%, disokong oleh peningkatan modal asas sebanyak 2.0%. Pinjaman tak berbayar kasar meningkat sedikit sebanyak 1.0% pada bulan Ogos. Walau bagaimanapun, kualiti aset pinjaman kekal kukuh dengan nisbah pinjaman tak berbayar bersih tidak berubah pada 2.1%, manakala nisbah perlindungan kerugian pinjaman menjadi lebih kukuh kepada 91.6%.

Penunjuk Keadaan Sistem Perbankan *

	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	Jun 09	Jul 09	Ogos 09
Modal (%) **										
Nisbah modal teras	11.1	11.1	11.4	10.7	10.7	10.2	10.6	12.6	12.7	13.0
RWCR	13.2	13.8	14.4	13.7	13.5	13.2	12.6	14.3	14.3	14.6
NPL bersih (klasifikasi 3 bulan)										
% jumlah pinjaman bersih	10.2	8.9	7.5	5.8	4.8	3.2	2.2	2.2	2.1	2.1
Jumlah (RM juta)	43,110	40,013	36,668	31,332	27,360	20,011	15,889	15,692	15,073	15,532
Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih (3 bulan, %)	2.1	2.0	1.9	1.8	1.7	1.7	1.7	1.7	1.7	1.7

* Jadual ini termasuk bank-bank Islam.
** Mulai Januari 2008, pengiraan RWCR dan nisbah modal teras mengambil kira institusi perbankan yang menerima pakai pendekatan standard di bawah Basel II



Permodalan sistem perbankan terus kukuh…



* berdasarkan klasifikasi 3 bulan

…dan NPL kekal pada tahap rendah

Bank Negara Malaysia
30 September 2009

Perangkaan Utama Monetari dan Kewangan

		Jun 09		Julai 09		Ogos 09	
		Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan
		(RM b)	(%)	(RM b)	(%)	(RM b)	(%)
Agregat Monetari							
Wang rizab		54.7	-19.9	52.1	-21.8	54.1	-22.0
M1		185.6	5.5	185.8	6.0	188.2	7.8
M2		922.7	6.3	933.1	5.9	945.5	8.4
M3		950.5	5.7	960.9	5.3	973.0	7.6
Sistem Perbankan							
Jumlah deposit		997.7	7.2	998.5	6.2	1,008.6	8.1
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas)		742.8	8.3	752.5	8.4	758.8	7.3
Nisbah pinjaman-deposit (%)		78.3		78.5		78.4	
Nisbah pembiayaan-deposit [1] (%)		85.3		85.5		85.2	
Pinjaman yang dipohon (pada tempoh berkenaan)		50.0	16.8	51.5	19.5	43.3	-16.8
Pinjaman yang diluluskan (pada tempoh berkenaan)		27.3	10.6	27.2	4.3	23.0	-21.1
Pinjaman yang dikeluarkan (pada tempoh berkenaan)		54.9	0.7	60.9	5.6	51.7	-6.9
Pinjaman yang dibayar balik (pada tempoh berkenaan)		49.2	7.3	50.9	3.8	45.0	-2.7
Keadaan Sistem Perbankan							
Nisbah Modal Wajaran Risiko (RWCR) (%)		14.3		14.3		14.6	
NPL bersih: Klasifikasi 3 bulan (%)		2.2		2.2		2.1	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)							
Rizab dalam RM bilion		322.8		321.5		329.1	
Rizab dalam Dolar AS bilion (bersamaan)		91.5		91.2		93.3	
Bilangan bulan import tertangguh		9.0		9.1		9.3	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]							
Kadar Dasar Semalaman (OPR)		2.00		2.00		2.00	
Antarabank:	Semalaman	1.99 [2.00]		1.99 [2.00]		1.99 [2.00]	
	Seminggu	2.02 [2.02]		2.01 [2.02]		2.00 [2.02]	
	1 bulan	2.09 [2.07]		2.11 [2.07]		2.07 [2.07]	
Deposit tetap bank perdagangan:	1 bulan	2.02		2.02		2.00	
	3 bulan	2.05		2.05		2.03	
BLR bank perdagangan		5.53		5.53		5.51	
ALR bank perdagangan		5.04		4.96		4.84	
Harga							
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2005=100)		111.8	-1.4	111.9	-2.4	112.1	-2.4
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) (2000=100)		131.2	-12.2	130.4	-12.8	t.d.	t.d.
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih (akhir tempoh)							
Dolar AS		3.5225		3.5200		3.5260	
Euro		4.9699		4.9729		5.0621	
Paun Sterling		5.8592		5.8150		5.7356	
100 Yen Jepun		3.6729		3.6919		3.7631	
Dolar Singapura		2.4302		2.4432		2.4441	
100 Baht Thailand		10.3542		10.3423		10.364	
100 Peso Filipina		7.3111		7.3249		7.2221	
100 Rupiah Indonesia		0.0345		0.0355		0.0349	
100 Won Korea		0.2754		0.2859		0.2833	
Pasaran Modal							
Dana bersih (RM b) yang diperoleh sektor:	awam	9.5		9.5		9.5	
	swasta	2.8		1.5		-0.2	
Indeks Komposit Bursa Malaysia (akhir tempoh)		1,075.2		1,174.9		1,174.3	
Permodalan Pasaran Bursa Malaysia (RM b) (akhir tempoh)		817.9		885.8		893.9	

[1] Merujuk kepada nisbah pinjaman dan pegangan sekuriti hutang swasta (PDS) oleh sistem perbankan atas deposit sistem perbankan.